

WILAYAH Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 73 ● 21 - 27 OGOS 2020 ● PP19441/12/2018 (035014) **PERCUMA**

www.wilayahku.com.my



CEO Petals2u, Amirullah Khalid bergambar di depan kedai bunganya di Sunway Putra mall.

Cabaran berniaga di pasaraya terkemuka

SIAPA sangka kedai bunga yang kemas dan cantik di kompleks beli-belah Sunway Putra adalah milik usahawan muda Bumiputera. Mitos kaum Bumiputera tidak pandai berniaga di dalam 'mall' terbukti tidak benar.

Selari dengan hasrat Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang mahu mempertingkatkan penyertaan usahawan muda kota di lokasi-lokasi strategik termasuk di dalam pasar raya bertaraf antarabangsa di

sekitar ibu kota.

Sektor peruncitan terutama di pasar raya terkemuka mempunyai cabaran tersendiri malah mengundang persepsi buruk yang menyebabkan usahawan Bumiputera masih belum bersedia menongkah arus untuk menghadapi cabaran berniaga di tempat seperti itu.

BERSAMBUNG KE MUKA 2

● MARA KOMITED BANTU USAHAWAN BUMIPUTERA MUKA 2

● MALAKAT MALL LUASKAN GELANGGANG MUKA 3

MYSCHOOLBUS@ WILAYAH AGIHAN EKONOMI UNTUK SEMUA

SERAMAI 9,800 lagi pelajar dari kawasan perumahan kos rendah swasta meliputi 141 kawasan di seluruh Kuala Lumpur bakal mendapat manfaat daripada program MySchoolBus@Wilayah bermula tahun hadapan.

Pelbagai usaha murni dilakukan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah (B40), berpendapatan sederhana (M40) khusus M1 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari aspek pengangkutan anak ke sekolah.

BERITA PENUH DI MUKA 9, 10, 11



Annuar Musa @AnnuarMusa · 1d
Hari Merdeka Dan Hari Malaysia tak lama lagi...Saya ingin mengajak semua warga WP bersatu hati dan bersama PAMERKAN SEMANGAT CINTAKAN NEGARA DGN MENGIBARKAN BENDERA DISEMUA rumah,kedai,pejabat,KENDERAAN Dan bangunan bangunan.PBT pula menaikkan BENDERA Di tempat tempat awam.Boleh?



TWEET daripada Tan Sri TPr Annuar Musa mengajak warga Wilayah Persekutuan mengibarkan Jalur Gemilang.

Semarak merdeka: Warga Wilayah Persekutuan diseru kibar Jalur Gemilang di rumah

SEBAGAI tanda prihatin dan bersemangat patriotisme terhadap negara, seluruh warga Wilayah Persekutuan disaran untuk bersama menghayati kemerdekaan Malaysia yang disambut pada 31 Ogos setiap tahun.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa melalui *Twitter*nya mengajak segenap lapisan masyarakat bersama-sama menzahirkan rasa kecintaan terhadap negara dengan caranya mengibarkan Jalur Gemilang.

"Jom kita kibarkan Jalur Gemilang sepanjang Bulan Kemerdekaan. Kita mulakan di rumah kita dulu," katanya.

Saranan Annuar, menepati seman-

gat kecintaan terhadap negara yang boleh diterjemahkan oleh rakyat dengan mengibarkan Jalur Gemilang.

Jalur Gemilang adalah simbol kedaulatan dan kemerdekaan negara dan biarlah amalan ini terus menjadi budaya yang subur dalam kehidupan seharian kita.

"Saya ingin mengajak semua warga Wilayah Persekutuan bersatu hati dan bersama pamerkan semangat cintakan negara dengan mengibarkan bendera di semua rumah, kedai, pejabat, kenderaan dan bangunan-bangunan.

"Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula menaikkan bendera di tempat-tempat awam. Boleh?," soal beliau

mengenai ketersediaan semua pihak untuk bersama-sama menghayati semangat kemerdekaan negara Malaysia yang tercinta.

Kempen kibarkan Jalur Gemilang saban tahun diadakan menjelang Hari Kebangsaan 31 Ogos dan Hari Malaysia 16 September.

Tahun ini, Malaysia Prihatin diangkat sebagai tema sambutan bagi menggambarkan kesepakatan segenap lapisan rakyat memerangi pandemik COVID-19.

Pada masa yang sama, tema ini juga menonjolkan keprihatinan kerajaan membantu rakyat dalam waktu sukar dan mencabar ini. **W K**

Modal permulaan cabaran utama

DARI MUKA HADAPAN

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Petals2U, **Amirullah Khalid** berkata, naratif mengatakan kaum Bumiputera sukar untuk berniaga di kompleks beli-belah tidak benar sama sekali kerana setiap perniagaan tentunya mempunyai cabaran tersendiri.

“Saya bermula dengan berniaga di tepi jalan dan ada cabarannya, malah menyewa premis dan kini menjalankan perniagaan di kompleks beli-belah pasti ada cabaran.

“Para usahawan perlu mengenal pasti risiko yang perlu ditanggung terlebih dahulu sebelum menjalankan perniagaan di mana-mana sekalipun,” katanya ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Kata Amirullah, cabaran utama apabila memulakan perniagaan di kompleks beli-belah adalah mereka perlu menyediakan modal yang besar.

“Modal itu terdiri daripada wang deposit, deposit util-



AMIRULLAH



AMIRULLAH (kanan) sedang melayan pelanggan yang berkunjung ke kedainya di Kompleks beli-belah Sunway Putra baru-baru ini.

iti, kos ubah suai, kos pelan lantai dan modal pusingan yang dianggarkan sebanyak RM90,000.

“Selain itu, penyewa perlu memberikan komitmen untuk sebarang aktiviti perniagaan dan promosi yang telah ditetapkan oleh pihak operator menjadikan ia sebagai satu cabaran yang perlu dipikul,” katanya.

Amirullah berkata, sejak berniaga tiga tahun lalu di

Kompleks beli-belah Sunway Putra, beliau tidak pernah berhadapan dengan diskriminasi daripada pihak operator.

“Pihak operator kompleks tidak pernah membezakan di antara penyewa Melayu atau Cina, mereka melayan dan membantu semua peniaga secara sama rata.

“Malah mereka sering akan menjemput mana-mana penyewa untuk menyertai pameran yang berlangsung di ruang lebar dan sedia berkompromi dengan penyewa termasuk



SELAIN berniaga di kompleks beli-belah, Amirullah turut membekalkan bunga-bunga segar di Parlimen sejak empat tahun lalu.

mendapat diskaun sebanyak 70 peratus semasa PKP baru-baru ini,” katanya.

Amirullah memberitahu, beliau merupakan satu-satunya peniaga bunga yang beroperasi di kompleks beli-belah itu dan tidak berhadapan dengan persaingan.

“Walaupun masih baru di kompleks ini, saya menganggap sebagai satu rezeki kerana ia telah melonjakkan jenama ini kerana pihak operator tidak pernah menyisihkan syarikat kami,” katanya.

Kata Amirullah, selain daripada menjalankan perniagaan, pihaknya turut mendapat kepercayaan membekalkan bunga di pejabat kerajaan.

“Melalui pengalaman yang diperolehi, kami diberikan peluang untuk membekal dan menggubah bunga-bunga segar korporat untuk sesi pembukaan parlimen sejak empat tahun lalu.

“Malah, kami turut membekalkan bunga untuk pejabat Perdana Menteri dan menteri di parlimen setiap minggu,” katanya. **WK**

1,083 lot niaga, 13 Halal Park belum diisi - MARA

Oleh SYAHIDI BAKAR
diwilayahku@gmail.com

MAJLIS Amanah Rakyat (MARA) sentiasa positif dan komited memperkasa usahawan Bumiputera melalui pelaksanaan program pembangunan dan latihan selain menyediakan pelbagai jenis lot premis perniagaan untuk disewa.

Pengerusinya, Datuk Azizah Mohd. Dun berkata, MARA melalui Bahagian Infrastruktur Komersial, menyediakan sebanyak 7,249 lot premis perniagaan pelbagai kategori termasuk 103 tapak Halal Park sebagai inisiatif membangunkan usahawan halal tempatan.

Beliau berkata, bagi memastikan aspirasi MARA memperkukuh aktiviti keusahawanan seterusnya mampu memacu ekonomi setempat, agensi itu sentiasa agresif mempelbagaikan kemudahan perniagaan melalui penyediaan 3,471 lot Bazar; Arked (1,788); Komersil Lot (1,588) dan wu-

judkan 299 Kawasan Industri MARA di seluruh negara.

Daripada jumlah itu katanya sebanyak 85.06% premis telah berjaya diisi dengan pelbagai jenis perniagaan diusahakan oleh usahawan setempat mahupun usahawan kecil dan sederhana.

“Daripada jumlah keseluruhannya iaitu 7,249 lot premis disediakan, sebanyak 1,083 lot masih lagi belum diisi merangkumi Bazar (203); Arked (516); Lot Komersil (329); Kawasan Industri MARA (22) dan Halal Park (13) lot premis masih kosong.

“Kekosongan semua lot premis diharapkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh usahawan mengikut keperluan dan saiz perniagaan masing-masing,” katanya dalam kenyataan media kepada akhbar *Wilayahku* baru-baru ini.

Azizah mengulas mengenai wujudnya lot premis perniagaan milik MARA dikosongkan segelintir usahawan beriku-



MARA mengenakan kadar sewa yang lebih rendah daripada harga pasaran untuk membantu mengurangkan modal permulaan peniaga.

tan beberapa kekangan semasa termasuk penularan wabak penyakit Covid-19.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Beaufort itu turut menjelaskan, dalam usaha memberikan peluang kepada usahawan Bumiputera lebih kompetitif, MARA hanya men-

genakan kadar sewa yang lebih rendah daripada harga pasaran berdasarkan saiz keluasan lot dan lokasi premis.

Kadar sewa dikenakan itu katanya, seharusnya dapat membantu para usahawan pada peringkat permulaan untuk menggunakan modal sedia ada

dengan lebih bermanfaat.

“Berdasarkan peruntukan RMK-11 yang diterima daripada kerajaan bagi memperkasa usahawan Bumiputera sebanyak RM100 juta, MARA telah mengagihkan peruntukan itu kepada beberapa kemudahan yang boleh dimanfaatkan usahawan seperti kemudahan pembiayaan perniagaan, peningkatan premis perniagaan dan program pembangunan merangkumi latihan, pensijilan serta khidmat perundingan.

“Selain itu kami (MARA) turut mengenal pasti beberapa kekangan utama seperti keterseediaan untuk menjadi usahawan, kekurangan program dan latihan bersesuaian mengikut keperluan bidang usahawan tersebut serta kurangnya kemahiran usahawan dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat, secara langsung telah pun menyukarkan mereka mendapat maklumat yang terkini dengan pantas,” jelasnya. **WK**

Malakat Mall luaskan gelanggang

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com
Foto AMIN FARIZ HASAN

PELUANG yang terhad kepada usahawan Bumiputera untuk memasarkan produk mereka di kompleks beli-belah dan pasaraya di seluruh negara bukanlah satu isu yang baharu.

Walaupun terdapat banyak produk-produk seperti makanan, fesyen dan kecantikan yang diusahakan oleh Bumiputera dan dijual di dalam pasaran secara atas talian, namun ia masih gagal untuk menembusi rak-rak pasaraya besar di dalam negara.

Faktor yang menyumbang kepada perkara itu adalah disebabkan keangan modal permulaan yang tinggi.

Ia meliputi kos sewaan rak, wang cagaran dan modal pusingan menjadi punca utama banyak barangan tempatan tidak dapat memasuki ruang-ruang niaga di kompleks membeli belah dan pasaraya di negara ini.

Selain itu, faktor pengagihan kekayaan yang tidak sekata turut dikaitkan mengapa syarikat Bumiputera masih ketinggalan untuk bersaing dengan syarikat dari luar negara.

Bertindak di atas perkara tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Malakat Mall Sdn. Bhd, **Mohd Fadzil Hashim** mengambil risiko untuk membuka sebuah pasaraya dikenali sebagai Malakat Mall bagi membuka peluang kepada usahawan Bumiputera khususnya orang Melayu untuk memasarkan produk mereka.

Mohd Fadzil Hashim berkata, idea untuk membuka sebuah pasaraya adalah disebabkan kekurangan 'marketplace' untuk usahawan Melayu memasarkan produk mereka.

"Apa yang saya dapati, masalah utama adalah

'marketplace' khususnya di dalam sektor peruncitan kerana seperti yang kita maklum, transaksi sebanyak RM110 bilion telah direkodkan di dalam sektor ini pada tahun 2019.

"60 peratus yang mendapat manfaat daripada nilai tersebut adalah syarikat asing manakala 32 peratus adalah lain-lain kaum di Malaysia dan kaum Bumiputera hanya sekitar lapan peratus sahaja," katanya ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Berdasarkan laporan tersebut, Mohd Fadzil menegaskan bahawa orang Melayu merupakan penyumbang paling besar di dalam sektor ekonomi ini namun menerima manfaat yang paling sedikit di dalam sektor peruncitan ini.

CROWDED MARKETPLACE

Menurut Mohd Fadzil, orang Melayu masih lagi 'bertempur' di dalam gelanggang perniagaan yang kecil atau 'crowded marketplace' seperti di pasar malam, pasar tani dan ramai kini secara atas talian.

"Mungkin orang kita beranggapan bahawa berniaga atas talian sudah cukup besar dan mempunyai masa depan yang cerah.

"Sekiranya kita melihat kepada data, dari RM110 bilion yang dibelanjakan dalam sektor peruncitan ini, lebih 80 peratus perbelanjaan secara offline atau di pasar-pasar besar atau lebih dikenali sebagai kompleks beli-belah.

Kata Mohd Fadzil, usahawan Bumiputera tidak pernah didiskriminasi sekiranya mereka berhasrat untuk meletakkan produk-produk mereka di rak-rak kompleks beli-belah," katanya.

Mohd Fadzil berkata, usahawan Melayu sering



SOKONGAN daripada pengguna dapat meningkatkan keupayaan Malakat Mall untuk berkembang dalam menyediakan peluang kepada usahawan Bumiputera.

didendangkan bahawa operator ini benci kepada orang Melayu dan ia tidak berasas. Isu yang utama adalah kos untuk menyewa rak adalah mahal.

"Walaupun mereka boleh masuk dan berniaga terutama di kompleks beli-belah yang baru dibuka, mereka akan berhadapan risiko dikeluarkan apabila kompleks itu mula dipenuhi pengunjung dan jenama-jenama besar menawarkan sewa yang lebih tinggi daripada usahawan tempatan.

"Ia tidak sahaja terjadi kepada kompleks beli-belah swasta, malah ia turut terjadi kepada Kompleks KLCC, Malaysia Airport Berhad (MAB), dan di sini kita boleh kira berapa ramai orang Melayu yang berniaga di dalam kompleks-kompleks tersebut," katanya.

PERSEPSI BURUK

Mohd Fadzil memberitahu, banyak persepsi buruk timbul apabila orang Melayu membuka kompleks membeli belah termasuk yang dimiliki oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan sebagainya.

"Malakat Mall telah menjemput usahawan-usahawan Islam dan Melayu yang mempunyai jenama sendiri

"Orang Melayu merupakan penyumbang paling besar di dalam sektor ekonomi ini namun menerima manfaat yang paling sedikit di dalam sektor peruncitan"

duk melalui Raudah Grocer yang ada di dalam Malakat Mall dan ia telah memberi manfaat kepada lebih 500 usahawan Melayu sebagai pembekal di Malakat Mall.

Menurut Mohd Fadzil, melalui Raudah Grocer, usahawan tidak perlu membayar kod unit penyimpanan stok dan yuran penyenggaraan sebaliknya usahawan hanya perlu membawa produk dan daftar sahaja.

Sekiranya diterima, produk itu akan terus ditempatkan di rak-rak yang ada tanpa perlu mengeluarkan kos yang tinggi.

"Di samping itu, kami menawarkan kira-kira 15 kios kecil untuk usahawan penuh Industri Kecil Sederhana dan kita tawarkan kepada mereka saiz 8 X 10 kaki dan mereka hanya perlu membayar RM1,000 untuk utiliti dan pembahagian jualan sebanyak 10 peratus sebagai kos sewaan," katanya. **W.K**

Imbas kod QR untuk menyaksikan video temubual bersama Ketua Pegawai Eksekutif Malakat Mall.



YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN

SKIM BIASISWA PENGAJIAN TINGGI

YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN

SBPT
Skim Biasiswa Pengajian Tinggi
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) ingin mempelawa anak-anak Wilayah Persekutuan yang berkelayakan untuk memohon Skim Biasiswa Pengajian Tinggi YWP bagi melanjutkan program di peringkat Ijazah Pertama di Institusi-Institusi Pengajian Awam (IPTA) secara sepenuh masa bagi kemasukan semester pertama sesi 2020/2021.

Tarikh tutup permohonan ialah pada 7 September 2020. Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga. Borang boleh didapati melalui laman sesawang atau hadir sendiri ke pejabat kami.



Pejabat

No. 134, Wisma YWP,
Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu
50300 Kuala Lumpur

Ikuti kami di media sosial
Follow us on social media



@yayasanwp

Nombor Telefon :
+603 2698 3073

Nombor Faks :
+603 2698 3075

Emel :
info@yayasanwp.org.my

Laman Web :
www.yayasanwp.org.my